

[Home](#) / [2025](#) / [December](#) /

UiTM Perkasa Komuniti Kota Belud Melalui Program Perkongsian Ilmu Teknologi Akuaponik

SINERGI

05/12/2025 / NURUL HUDA ROSLAN



KOTA BELUD, SABAH, 28 November 2025 – Program **Perkongsian Ilmu Bersama Komuniti @ Sabah** telah berjaya dilaksanakan di Kota Belud dengan fokus utama kepada penyampaian ilmu mengenai **Teknologi Pertanian Secara Akuaponik**. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Shah Alam bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sabah, dengan sokongan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Yayasan Perkasa Siswa (YPS) serta kerjasama pemimpin pelajar UiTM melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Sabah Sesi 2025/2026.

Program ini menghimpunkan komuniti setempat, pelajar dan penggiat pertanian dengan objektif memperkenalkan teknologi akuaponik sebagai kaedah moden yang berpotensi meningkatkan hasil

pertanian secara mampan. Pendekatan akuaponik—gabungan akuakultur dan hidroponik—diangkat sebagai alternatif sesuai untuk masyarakat luar bandar, khususnya mereka yang berdepan kekangan tanah pertanian. Teknologi ini mampu memaksimumkan produktiviti dalam skala kecil dan membuka peluang kepada lahirnya usahawan muda.

Dalam ucapan perasmian, Timbalan Rektor HEP UiTM Sabah, **YBrs. Dr. Dg Ku Habibah Ag Kee**, menegaskan bahawa perkongsian ilmu seperti ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman komuniti terhadap inovasi pertanian, malah memperkukuh hubungan universiti dengan masyarakat. Sesi demonstrasi sistem akuaponik turut diadakan, membolehkan peserta melihat secara langsung cara pengoperasian, penjagaan sistem serta potensi ekonomi melalui pertanian berteknologi.

UiTM Cawangan Sabah komited untuk terus melaksanakan program berbentuk komuniti yang memberi impak langsung kepada pembangunan sosial dan ekonomi penduduk tempatan. Kerjasama strategik bersama JPT, KPT dan YPS diyakini mampu memperluas manfaat program ke lebih banyak kawasan luar bandar di Sabah, selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.

Penulis: Muhammad Zafri Anaqi Bin Zaimee

Editor: Nurul Huda Roslan



Tags: [Jabatan Hal Ehwal Pelajar \(JHEP\)](#), [Jabatan Pendidikan Tinggi \(JPT\)](#), [Kementerian Pendidikan Tinggi \(KPT\)](#), [UiTM Cawangan Sabah](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#), [Yayasan Perkasa Siswa \(YPS\)](#)

UiTM Perkukuh Semangat Kesukarelawanan Melalui Program Khidmat Komuniti @ Sabah di Pantai Shabandar

UiTM Perak Perkukuh Jaringan Antarabangsan bersama Universiti di Aceh Melalui Program USR

QUICK
LINKS

HUBUNGI
KAMI



[Ministry of Higher Education](#)

[Academic Calendar](#)

[Intake Calendar](#)

[Graduate Quick Search](#)

[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

Universiti Teknologi MARA

(UiTM)

40450 Shah Alam, Selangor

Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000